

Bahaya jika berlaku kekeliruan dalam penyebaran agama: PM

BAGAN DATOH, Ahad. — Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan tentang akibat yang akan dihadapi jika berlakunya kekeliruan penyebaran agama.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, hanya mereka yang bertauliah dibenarkan menjalankan kegiatan penyebaran Islam untuk mengelakkan sebarang kekeliruan.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan mesyuarat agung pertama Persatuan Amar Maarof (PAM) yang dipimpin oleh Duta Malaysia ke Mesir, Datuk Haji Hassan Adli merangkap Ahli Parlimen Bagan Datuk di Sekolah Kebangsaan Al-Ulum dekat sini.

Penindasan ke atas orang-orang Is-

lam yang berlaku di negara-negara asing termasuk pembunuhan kira-kira 800,000 orang Islam di Kampuchea boleh dijadikan contoh jika berlakunya kekeliruan mengenai kebebasan agama, tambahnya.

Begitu juga penindasan ke atas negeri-negeri yang diperintah oleh komunis di mana orang Islam menerima nasib yang sama.

Datuk Seri Dr. Mahathir menambah, walaupun kerajaan mengalu-alukan penubuhan mana-mana pertubuhan yang bercorak kebajikan tetapi janganlah hendaknya mereka mengharapkan bantuan kerajaan semata-mata.

Mereka sebaliknya hendaklah berusaha sendiri kerana kerajaan tidak dapat memenuhi semua permintaan.